

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL



PENGUNAAN rokok konvensional membabitkan kumpulan remaja seramai 186,817 orang pada tahun lalu.

RUU KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

Menteri minta semua pihak sokong usaha

Kota Kinabalu: Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa meminta semua pihak menyokong usaha untuk memastikan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dapat dibentangkan di Parlimen dalam persidangan akan datang.

Beliau berkata, melalui langkah perundangan ini, ia diharapkan akan dapat melahirkan generasi muda Malaysia bebas daripada sebarang bentuk tabiat merokok yang dikenali sebagai Generasi Penamat Rokok melibatkan golongan remaja lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Menurutnya, tinjauan kesihatan remaja membabitkan golongan anak muda berusia 13 hingga 17 tahun menunjukkan peningkatan pengguna peranti merokok elektronik daripada 211,084 orang pada 2017 kepada 301,109 orang pada 2022.

"Ini belum mengambil kira penggunaan rokok konvensional yang membabitkan kumpulan remaja ini iaitu seramai 186,817 orang pada 2022.

"Data yang dikongsikan ini merupakan satu senario nyata yang menuntut keprihatinan dan tindakan secara bersama semua pihak.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang dibacakan timbalannya, Luanisman Awang Sauni pada majlis Perasmian Hari Tanpa Tembakau Sedunia Peringkat Kebangsaan di sini, semalam.

Dr Zaliha berkata, Malaysia menyaksikan peningkatan kes penyakit tidak berjangkit (NCD) berdasarkan laporan Tinjauan



Melalui langkah perundangan ini, ia diharapkan akan dapat melahirkan generasi muda Malaysia bebas daripada sebarang bentuk tabiat merokok"

Dr Zaliha

Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 dan NCD ini sebenarnya boleh dicegah melalui pembudayaan hidup sihat antaranya dengan tidak mengamalkan tabiat merokok.

Beliau berkata, tinjauan itu juga menunjukkan bahawa dianggarkan lebih daripada 27,200 kematian setiap tahun di negara ini adalah akibat tabiat merokok setiap tahun.

Katanya, pada masa yang sama kementerianya juga memberikan perhatian kepada peningkatan trend penggunaan rokok elektronik dan vape iaitu prevalen sebanyak 4.9 peratus yang bersamaan dengan 1.13 juta pengguna dalam kalangan dewasa. - Bernama

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

301,109 remaja guna rokok elektronik

KOTA KINABALU – Peningkatan pengguna peranti rokok elektronik dalam kalangan remaja yang mencecah 301,109 orang tahun lalu memerlukan tindakan segera diambil bagi melahirkan generasi muda yang bebas daripada sebarang bentuk tabiat merokok.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan sebanyak 90,025 orang berbanding 211,094 remaja berusia antara 13 hingga 17 tahun pada 2017.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, jumlah tersebut belum mengambil kira penggunaan rokok konvensional yang melibatkan kumpulan remaja ini iaitu seramai 186,817 orang pada tahun lalu.

"Data yang dikongsikan ini adalah satu senario nyata yang menuntut keprihatinan dan tindakan secara bersama semua pihak bagi mengekang dan seterusnya menolak sebarang bentuk tabiat merokok di negara ini.

"Justeru, menyedari tabiat merokok khususnya penggunaan rokok elektronik dan vape yang semakin meningkat Kementerian Kesihatan (KKM) berusaha membawa Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ke Parlimen.

"Kita berharap melalui langkah perundangan yang di-



JUMLAH pengguna rokok elektronik dalam kalangan remaja ketika ini agak membimbangkan. – GAMBAR HIASAN

lakukan ini akan melahirkan generasi muda yang bebas daripada sebarang bentuk tabiat merokok dan akan dikenali sebagai generasi penamat rokok bagi remaja yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya," katanya dalam teks ucapan sempena Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia peringkat kebangsaan di sini semalam.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni.

Zaliha berkata, langkah menghentikan tabiat merokok itu perlu bagi memastikan hasrat prevalen tabiat merokok kurang daripada lima peratus dan Malaysia menjadi negara Bebas Asap Rokok menjelang 2040.

Ketika ini, prevalen perokok dalam golongan dewasa merupakan 21.3 peratus daripada populasi penduduk, dengan anggaran 4.8 juta perokok.

Bagi pengguna rokok elektronik dan vape pula, prevalen adalah sebanyak 4.9 peratus atau 1.13 juta pengguna dalam kalangan orang dewasa.

Mengulas lanjut katanya, peningkatan kes penyakit tidak berjangkit (NCD) menerusi laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menunjukkan bahawa 5.1 juta orang mempunyai dua atau tiga faktor risiko utama penyakit kardiovaskular atau jantung yang menjadi penyumbang utama kematian di Malaysia.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Harga ubat dijangka naik lima peratus

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
fadhullah.adnan@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Harga ubat-ubatan untuk pasaran dalam negara dijangka meningkat sehingga lima peratus susulan nilai ringgit yang terus lemah dan tidak stabil berbanding dolar Amerika Syarikat (AS\$) sejak bulan lalu.

Ini kerana kebanyakan ubat terutamanya ubat batuk, demam dan pelbagai jenis antibiotik diimport dari negara-negara luar dan urusan niaga dilakukan dalam AS\$.

Permintaan ubat-ubatan asas tersebut penting, lebih-lebih lagi ketika musim panas ketika ini ramai yang mengalami batuk dan demam.

Dilaporkan sektor swasta dan awam di negara ini membelanjakan antara RM4.5 bilion hingga RM5 bilion untuk mengimport ubat-ubatan dalam tempoh setahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrhi Buang berkata, nilai ringgit yang melemah antara punca utama yang mempengaruhi harga ubat selain ketidakpastian di peringkat antarabangsa seperti perang di Rusia-Ukraine yang belum tamat.

Menurut beliau, ini kerana harga ubat di pasaran tidak dikenakan cukai, maka dengan kebanyakan ubat di negara ini diimport, kejatuhan ringgit akan mempengaruhi peningkatan harga.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Harga ubat dijangka naik lima peratus

Dari muka 1

"Harga ubat bergantung kepada harga bahan farmaseutikal aktif iaitu bahan mentah yang digunakan untuk menghasilkan ubat-ubatan.

"Selain itu, kadar eksipien yang merupakan bahan tambahan yang diguna untuk memproses sesuatu bentuk atau jenis ubat dan satu lagi adalah (kos) logistik seperti (untuk penghantaran) ke luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak.

"Jadi apabila mahu buat ubat dalam negeri, bahan mentah kena dapatkan dari luar, tetapi apabila ringgit rendah, harganya mahal," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Indeks Harga Peng-

guna bagi Mei tahun ini dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merekodkan, purata harga ubat batuk 60ml adalah RM6.75, manakala satu paracetamol bagi 12 biji pil atau satu paket (strip) pula berharga RM5.16.

Sejak hujung Mei lepas, ringgit dilaporkan terus jatuh dan mencecah RM4.6 berbanding dolar AS iaitu paras terendah dalam tempoh enam bulan tahun ini.

Susulan itu, penganalisis tidak menolak ringgit mungkin akan terus mengalami tekanan dalam tempoh jangka pendek dan diramal pada paras RM4.5 berbanding dolar AS pada akhir tahun ini.

Mengulas lanjut, Amrahi

berkata, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) disaran untuk mempunyai perancangan segera bagi mengatasi peningkatan ubat berkenaan.

Menurut beliau, peningkatan harga di pasaran pada masa kini mungkin masih belum berlaku dengan ketara tetapi situasi boleh menjadi serius sekiranya ringgit terus melemah.

"Harga ubat ini tertakluk di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), jadi mereka kena buat perancangan dan keputusan untuk ambil tindakan...mungkin di 'Rahmah' kan atau sebagainya," katanya.

Setiausaha Agung Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (Perdim), Dr. Abdol

Rashid Masrom pula berkata, peningkatan kadar harga ubat itu sangat terasa terutamanya apabila nilai ringgit rendah.

Menurut beliau, ini kerana senarai harga baharu yang dikeluarkan pembekal juga berubah kepada dua kali setahun berbanding sebelum ini.

Kata Abdol Rashid, kadar harga juga meningkat setiap kali senarai baharu dikeluarkan.

"Dulu setahun sekali atau lepas perayaan baru harga naik, sekarang ini dalam enam bulan sudah keluar senarai baharu.

"(Peningkatan dari pembekal) pula macam tidak ada kawalan harga. Kita pun terasa juga, klinik swasta ini nampak macam untung banyak, tapi mark up sikit sahaja," jelasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : DALAM NEGERI

"Utamakan Makanan, Bukan Rokok, Demi Kesihatan"



LUKANISMAN Awang Sauni (tengah) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang pelajar sempena Sambutan Hari Tanpa Tembakau peringkat kebangsaan di Kota Kinabalu, Sabah, semalam.

301,109 remaja guna rokok elektronik

Oleh SURAIDAH ROSLAN
utusannews@mediamulla.com.my

***KOTA KINABALU:** Peningkatan pengguna peranti rokok elektronik dalam kalangan remaja yang mencecah 301,109 orang pada tahun lalu memerlukan tindakan segera bagi melahirkan generasi muda yang bebas daripada sebarang bentuk tabiat merokok.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan sebanyak 90,025 orang berbanding 211,094 orang pengguna remaja berusia antara 13 hingga 17 tahun pada 2017.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, jumlah tersebut belum mengambil kira penggunaan rokok konvensional

yang melibatkan kumpulan remaja iaitu seramai 186,817 orang pada tahun lalu.

"Data yang dikongsikan ini adalah satu senario nyata yang menuntut keprihatinan dan tindakan secara bersama semua pihak bagi mengekang seterusnya menolak sebarang bentuk tabiat merokok di negara ini.

"Justeru, menyedari tabiat merokok khususnya penggunaan rokok elektronik dan vape yang semakin meningkat, Kementerian Kesihatan (KKM) berusaha membawa Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ke Parlimen.

"Kita berharap melalui langkah perundangan yang dilaku-

kan ini melahirkan generasi muda yang bebas daripada sebarang bentuk tabiat merokok dan dikenali sebagai generasi penamat rokok bagi remaja yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya," katanya dalam teks ucapan sempena Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia peringkat kebangsaan, hari ini.

Teks ucapannya dibacakan Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni.

Zaliha berkata, langkah menghentikan tabiat merokok itu perlu bagi memastikan hasrat prevalen tabiat merokok kurang daripada lima peratus dan Malaysia menjadi negara Bebas Asap Rokok menjelang 2040.

Hospital Pasir Gudang dijangka siap lebih awal



LING TIAN SOON (tengah) menyerahkan perkakasan bukan perubatan kepada Wad Bunga Raya di HSA, Johor Bahru, semalam.

JOHOR BAHRU: Hospital Pasir Gudang yang sedang dibina di sini dijangka dapat disiapkan lebih awal daripada jadual.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, setakat 15 Mei lalu, kemajuan projek pembinaannya kini berada pada tahap 40.47 peratus, melangkaui jangkaan asal 27.96 peratus bagi tempoh berkenaan.

"Kita lihat pembinaan Hospital Pasir Gudang mampu disiapkan dua bulan lebih awal daripada jangkaan iaitu pada hujung tahun 2024.

"Kita mempunyai masa un-

tuk melengkapkan peralatan di hospital tersebut untuk beroperasi sepenuhnya pada 2025," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Perkakasan Bukan Perubatan di Wad Bunga Raya di Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini, semalam.

Sumbangan tersebut diberikan oleh Buddha's Light International Association kepada HSA berupa 300 meja pesakit dan lokar yang dianggarkan berjumlah RM300,000.

Tian Soon berkata, dengan adanya Hospital Pasir Gudang nanti, ia dapat memberi kemuda-

han perubatan kepada penduduk di kawasan sekitar, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap HSA dan Hospital Sultan Ismail (HSI), di sini.

Pembangunan Hospital Pasir Gudang di kawasan Bandar Seri Alam bermula September 2020 dan dilengkapi dengan 304 katil, lapan bilik bedah, 65 bilik konsultasi bagi rawatan pesakit luar, pusat rawatan harian dan 30 kerusi dialisis.

Hospital serba baharu itu juga dilengkapi dengan farmasi pandu lalu, 16 bilik bersalin, 34 kuartern jururawat dan hampir 1,000 ruang parkir.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Utilising pool of reserve doctors

Ministry: Stand-ins to be considered if contract MOs refuse to serve outside Klang Valley

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Reserves may be appointed for placements in Sabah, Sarawak and other parts of the country should contract medical officers (MOs) based in the Klang Valley reject offers to be permanently stationed in the state, says the Deputy Health Minister.

This comes following talk that many of the contract MOs who were offered permanent placements have rejected the offer to

be stationed in Sabah.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni said the ministry was looking into this matter, adding that the next course of action would only be taken once it received responses to all the offer letters.

"There are about 4,900 contract doctors and MOs for the dental and pharmaceutical side that have received their appointments and placements," he said during the launch of the national No Tobacco Day here yesterday.

There were those, admitted

Lukanisman, who did not want to be placed outside the Klang Valley, including Sabah, Sarawak and other parts of the peninsula.

"We will see how the response is and then we will decide.

"If there are enough reserve candidates, we may decide to offer them the positions instead," he said.

He said in his personal opinion, as civil servants, they have the responsibility to carry out their duties with commitment, and to be rational in their actions, adding that issues like these could be

discussed on other platforms, and not on social media.

On the issue of medical staff shortage in Sabah, Lukanisman said there were mechanisms to overcome these, including the placement of those from other states.

This shortage, he added, was due to many factors, including a lower percentage of doctors and MOs graduating locally from Sabah itself.

Lukanisman said the issue of human resource shortage and infrastructure in the medical field

was also mentioned in the Health White Paper.

"It could be the lack of proper infrastructure in Sabah that deters many from wanting to accept placements in Sabah or outside the main city areas," he said.

A debate has arisen online following complaints from netizens saying they do not want to work in Sabah or Sarawak, claiming that these two states are the among the worst places in term of career growth and welfare.

The data is in, support the Bill, says Health Minister



Toward a healthy lifestyle: Lukanisman (in dark blue shirt) launching the national No Tobacco Day at Padang Merdeka, Kota Kinabalu.
— Bernama

KOTA KINABALU: The rise in non-communicable diseases (NCDs) and increasing cigarette usage among youth is a clear sign to support government initiatives to control smoking products and the Generational Endgame (GEG) Bill.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said according to a 2019 National Health and Morbidity Survey, some 5.1 million Malaysians have two or three of the risk factors associated with cardiovascular or heart diseases, the No. 1 cause of deaths in the country.

She said NCDs can be prevented through healthy lifestyles which include not smoking cigarettes or tobacco products.

"This survey also suggested that over 27,200 annual deaths in the country are due to smoking," she said in her speech when launching the national No Tobacco Day

at Padang Merdeka here yesterday. Her speech was delivered by her deputy Lukanisman Awang Sauni.

Dr Zaliha said there were 4.8 million adult smokers or 21.3% of the total adult population, and they are also a health hazard to non-smokers because of passive smoke inhalation.

"The Health Ministry is also noticing a trend of vaping among youths, whereby those aged between 13 and 17 using e-cigarettes have risen from 211,084 in 2017 to 301,109 in 2022," she said.

She said there are 186,817 teens indulging in conventional smoking in 2022.

"This data presents a clear scenario that calls for our immediate attention and that is why we call upon everyone to support the government's initiative to rid the nation of smoking by 2040 and to

support the GEG Bill," said Dr Zaliha.

She added that this was also why the Health Ministry pushed hard for the tabling of the Bill multiple times in Parliament, as well as the Control of Smoking Products for Public Health Bill 2023.

She said she hopes the Bill can be tabled in the next Parliament sitting.

The GEG Bill seeks to ban the use, possession and sale of cigarettes and vape products for those born after Jan 1, 2007, among other things.

She said this initiative can only work with the full support of all stakeholders.

Earlier, Dr Zaliha said the No Tobacco Day programme was to educate the public on the dangers and health hazards of smoking any form of cigarettes.